



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Bilangan 01 Tahun 2013

PEMAKLUMAN MENGENAI PENERBITAN BERINDEKS UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) ini dikeluarkan adalah sebagai pemakluman kepada semua warga UiTM tentang Keputusan Mesyuarat Senat ke-174 bertarikh 6 Februari 2013 dan disahkan pada Mesyuarat Senat ke-175 pada 6 Mac 2013 tentang langkah-langkah bagi:

- 1.1 Menyemarakkan budaya penerbitan dan meningkatkan bilangan penerbitan di dalam jurnal berindeks/berfaktor impak.
- 1.2 Memusatkan afiliasi penerbitan di Universiti Teknologi MARA, Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Budaya penulisan dan penerbitan daripada hasil penyelidikan merupakan salah satu aspek utama dalam akademik.
- 2.2 Kebanyakan penulisan dan penerbitan yang wujud dan dihasilkan tidak diterbitkan di dalam jurnal berindeks/berfaktor impak.

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Meningkatkan komitmen semua warga UiTM dalam menghasilkan penulisan ilmiah yang berimpak tinggi.
- 3.2 Merealisasikan peningkatan penerbitan ilmiah adalah sejajar dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Fasa Kedua, Kementerian Pengajian Tinggi dengan matlamat ini boleh dicapai melalui hasil daripada projek-projek penyelidikan.
- 3.3 Langkah ini dapat meningkatkan skor *Malaysian Research Assessment (MyRA)* untuk Universiti Teknologi MARA (UiTM).

4.0 CADANGAN

- 4.1 Untuk setiap projek penyelidikan:
 - 4.1.1 Ketua projek dan ahli projek diwajibkan menerbitkan sekurang-kurangnya **satu (1) artikel dalam jurnal berindeks/berfaktor impak** terlebih dahulu sebelum dibenarkan menghadiri persidangan/bengkel/seminar/ kolokium dan sebagainya pilihan masing-masing sama ada berindeks atau sebaliknya.
 - 4.1.2 Namun begitu, setiap KPI yang ditetapkan adalah tertakluk kepada garis panduan penaja geran penyelidikan.
 - 4.1.3 Penyelidik perlu mengenal pasti pilihan jurnal untuk diterbitkan artikel mereka adalah tidak disenaraihitamkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi walaupun jurnal-jurnal berindeks dan mempunyai faktor impak. Senarai ini boleh didapati di Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI).
 - 4.1.4 Mencatatkan **penghargaan kepada penaja geran secara khusus dan UiTM** bagi setiap penerbitan yang dihasilkan.
 - 4.1.5 Meletakkan dan menyeragamkan afiliasi penyelidik sebagai **Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia** sahaja. (Berdasarkan Pekeliling Naib Canselor Bil.18/2009). Hal ini bermaksud keperluan setiap projek mempunyai penyelidik bersama yang menyumbang dengan ketara dari UiTM Lembah Klang.
 - 4.1.6 Memuat naik artikel atau prosiding yang telah diterbitkan itu ke dalam sistem PRISMA (*Publication Repository Information System Management*) di laman web <http://prisma.uitm.edu.my>.
 - 4.1.7 Memastikan etika penerbitan ilmiah dipatuhi supaya tiada unsur-unsur plagiarisme dan penulis menumpang.
- 4.2 Untuk setiap permohonan menghadiri persidangan di luar negara melalui Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM) pemohon diwajibkan:
 - 4.2.1 Menerbitkan sekurang-kurangnya **satu (1) artikel dalam jurnal berindeks/berfaktor impak** terlebih dahulu pada tahun semasa atau tahun sebelumnya, bagi menghadiri persidangan / bengkel / seminar / kolokium pilihan masing-masing sama ada berindeks atau sebaliknya.
 - 4.2.2 Telah memuat naik artikel atau prosiding yang telah diterbitkan itu ke dalam sistem PRISMA (*Publication Repository Information System Management*) di laman web <http://prisma.uitm.edu.my>.
- 4.3 Bagi membantu penyelidik menjadi lebih mahir di dalam menyediakan dan menghantar artikel ke jurnal berindeks/berfaktor impak, RMI yang dibantu sekumpulan penyelidik tersohor UiTM dengan kerjasama Institut Kepimpinan dan Pengurusan Kualiti (ILQaM), Perpustakaan Tun Abdul Razak, Fakulti dan Kampus Negeri telah menyediakan pelbagai bengkel penulisan berimpak tinggi secara intensif dan ekstensif pada tahun ini.

TARIKH DIKELUARKAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan pada 14 Mei 2013.

TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta.

PEMAKAIAN

Surat Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga penyelidik di Fakulti/Jabatan/Bahagian/Kampus Cawangan di Universiti Teknologi MARA



PROFESOR IR. DR. HJ. ABDUL RAHMAN OMAR
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-RMI(PPS .6/13)
No. Siri : 100-PPS(PT.6/7/2)*